

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu



MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN SPM 2026

MPP 3 SEJARAH KERTAS 1

Nama :

Kelas :



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



SULIT

1249/1

- 1 Mengapakah kedudukan raja dalam kerajaan awal di Alam Melayu dikaitkan dengan Dewa Siwa?
- A Mengekalkan istiadat istana
 - B Mengukuhkan kuasa pemerintahan
 - C Mewujudkan pentadbiran yang adil
 - D Mempelbagaikan upacara keagamaan
- 2 Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka meluaskan wilayah pengaruhnya?
- I Perkahwinan diraja
 - II Penaklukan kerajaan
 - III Pertukaran budaya
 - IV Pengeluaran hasil bumi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 3 Isu kasut di Burma dianggap mencemari kesucian agama Buddha. Apakah kesan perbuatan tersebut?
- A Kebangkitan semangat nasionalisme
 - B Kemunculan golongan bangsawan
 - C Kemasukan pengaruh penjajah
 - D Kegagalan pembaharuan adat
- 4 Karya berikut dihasilkan oleh Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) pada abad ke-20 di Tanah Melayu.

- Putera Gunung Tahan
- Anak Mat Lela Gila

Kedua-dua karya tersebut menyentuh tentang

- A Kemunculan budaya baharu
- B Kemajuan ekonomi negara
- C Kepadatan kegiatan perdagangan
- D Kepentingan menikmati kebebasan

SULIT

SULIT

1249/1

- 5 Berikut adalah negara yang terlibat dalam Pakatan Bertiga semasa Perang Dunia Pertama.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Britain • Rusia • X |
|---|

Apakah X?

- A Jerman
B Austria
C Perancis
D Jepun
- 6 Apakah langkah yang diperkenalkan oleh Jepun bagi menangani kemelesetan ekonomi di Tanah Melayu?
- I Rancangan Perindustrian Lima Tahun
II Rancangan Kemakmuran Bersama Asia Timur
III Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda
IV Jawatankuasa Penyelidikan Bahan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 7 Mengapakah Raja-raja Melayu membawa kes Malayan Union ke Mahkamah Tinggi England?
- A Mengkritik pelaksanaan undang-undang kolonial
B Raja-raja Melayu hilang kuasa politik
C Memulihkan kepercayaan rakyat
D British melanggar perjanjian
- 8 Mengapakah penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat bantahan daripada penduduk?
- A Menggalakkan pelaburan luar
B Menjejaskan ekonomi tempatan
C Membentuk pemerintahan sendiri
D Mendapat peluang kenaikan pangkat

SULIT

- 9 Perkara yang manakah terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Syarat kewarganegaraan
 - B Kemerdekaan tanah air
 - C Pendidikan vernakular
 - D Pilihan raya umum
- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan politik di Tanah Melayu sebelum merdeka.

Tahun	Peristiwa
1 Februari 1948	Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap perjuangan orang Melayu?

- A Parti-parti politik digabungkan
 - B Berkuasa mengawal pentadbiran
 - C Syarat kerakyatan dipermudahkan
 - D Diiktiraf sebagai penduduk asal
- 11 Ideologi komunis disebar di Tanah Melayu melalui
- I Kesatuan sekerja
 - II Hubungan antara kerajaan
 - III Interaksi kumpulan pedagang
 - IV Penerbitan akhbar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SULIT

1249/1

- 12 Berikut adalah tindakan yang dilakukan oleh pengganas komunis di Tanah Melayu semasa penjajahan British.

- Merosakkan ladang getah
- Mengganggu kerja di lombong
- Mengancam nyawa pekerja ladang

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Memiliknegarakan sektor perusahaan
 B Menyusun semula sistem percukaian
 C Menentang amalan buruh paksa
 D Melumpuhkan kegiatan ekonomi
- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) pada Januari 1949.

Isu	Peranan CLC
Sistem pendidikan yang berbeza mengikut kaum	Mencadangkan sistem pendidikan yang seragam

Apakah kesan yang boleh dikaitkan dengan penyelesaian isu tersebut?

- A Menyediakan tenaga kerja mahir
 B Mengiktiraf bahasa kebangsaan
 C Meningkatkan kualiti pelajaran
 D Memupuk perpaduan kaum
- 14 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan cadangan Laporan Woodhead di Sarawak dan Sabah 1955?
- I Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
 II Pembiayaan pendidikan yang teratur
 III Buku teks berorientasikan kaum
 IV Penganjurian seminar antarabangsa.
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

SULIT

- 15 Apakah kepentingan pilihan raya dalam konteks negara yang berdaulat?
- A Membentuk sebuah kerajaan
 - B Menggalakkan penubuhan parti politik
 - C Menjamin ketelusan pentadbiran
 - D Mengekalkan warisan bangsa
- 16 Apakah kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955?
- A Mengkaji tentang pilihan raya
 - B Menyatukan orang Melayu
 - C Memansuhkan Sistem Ahli
 - D Menggubal perlembagaan merdeka
- 17 Maklumat berkaitan merupakan perjalanan rombongan kemerdekaan ke London pada tahun 1956.

Destinasi	Jenis Pengangkutan
Kuala Lumpur ke Singapura	Kapal Terbang
Singapura ke Kerachi	Kapal Laut
Kerachi ke London	Kapal Terbang

Mengapakah perjalanan tersebut menggunakan pengangkutan yang berbeza?

- A Menjimatkan masa dan kos anggota rombongan
- B Menyusun perbincangan dan strategi rundingan
- C Memenuhi ketetapan syarat agensi antarabangsa
- D Merangka perlembagaan merdeka yang baharu


18 Berikut adalah inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

- Raja Berpelembagaan
- Kedudukan agama Islam
- X

Apakah X?

- A Pemusatan kuasa Yang di-Pertuan Agung
- B Pembahagian kerusi parlimen yang setara
- C Kedudukan istimewa orang Melayu
- D Kelebihan menubuhkan kabinet negeri

19



Apakah Y?

- A Sistem Monarki
- B Demokrasi Berparlimen
- C Raja Berperlembagaan
- D Prinsip Autokrasi

20 Jawatankuasa Persediaan Fizikal ditubuhkan bertujuan untuk menonjolkan identiti negara sebagai sebuah negara merdeka.


Siapakah yang mencadangkan sebuah lagu kebangsaan dicipta sebagai lagu rasmi negara?

- A H.S. Lee
- B V.T. Sambanthan
- C Tunku Abdul Rahman
- D Dato' Abdul Razak

21 Apakah jenis kedaulatan negara yang merujuk kepada hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan?

- A Moden
- B Tradisional
- C Antarabangsa
- D Undang-undang

- 22 Rajah berikut berkaitan dengan ciri negara berdaulat.



Apakah X?

- A Hubungan antarabangsa
 - B Budaya tradisional
 - C Kewarganegaraan
 - D Pemerintahan
- 23 Apakah ciri moden yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan?
- A Agama Islam
 - B Pemerintahan
 - C Kewarganegaraan
 - D Bahasa Melayu
- 24 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul pindaan perlembagaan di Parlimen pada 7 Ogos 1965.
- Apakah kesan pindaan tersebut?
- A Pengecualian hak autonomi Sarawak
 - B Pemusatan kuasa Kerajaan Persekutuan
 - C Pembentukan gagasan Malaysia
 - D Pemisahan wilayah Singapura

- 25 Apakah fungsi Majlis Raja-Raja selepas merdeka?
- A Membubarkan Dewan Undangan Negeri
 - B Memperkenan pindaan perlembagaan
 - C Melantik anggota Jemaah Menteri
 - D Merangka dasar negara
- 26 Antara berikut, yang manakah komponen kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam bidang kuasa perundangan (legislatif)?
- I Kuasa pengampunan
 - II Persidangan parlimen
 - III Pengisytiharan darurat
 - IV Ketua ketenteraan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Kerjasama sosioekonomi
• Pembangunan tanah • X

Apakah X?

- A Kerjasama keselamatan
- B Pemeraksanaan komuniti
- C Pengurusan lestari
- D Kemajuan wilayah

SULIT

1249/1

- 28 Penyelarasan pentadbiran antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan melalui
- A Persidangan di Parlimen
 - B Peruntukan Perlembagaan Persekutuan
 - C Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri
 - D Majlis Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Sabah

- 29 Lord Brassey mencadangkan idea penggabungan Sarawak, Sabah, negeri Melayu dan Negeri –negeri Selat (NNS) pada tahun 1887.

Apakah tujuan Lord Brassey mencadangkan idea tersebut?

- A Memudahkan pentadbiran British
- B Meningkatkan potensi ekonomi
- C Menjamin keselamatan rakyat
- D Mengukuhkan pertahanan

- 30 Pada 23 Julai 1961, Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ditubuhkan di Singapura.

Mengapakah JSKM ditubuhkan?

- A Menyedia rangka Perlembagaan Persekutuan Malaysia
- B Mengekalkan kuasa imigresen kepada Sabah dan Sarawak
- C Mencadangkan kuasa autonomi kepada Sabah dan Sarawak
- D Mengumpul pandangan tentang pembentukan Malaysia

- 31 Negara kita menghadapi pelbagai cabaran selepas pembentukan Malaysia.

Apakah cabaran dalaman yang dihadapi oleh Malaysia?

- I Membangunkan kemudahan komunikasi
- II Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
- III Memajukan sistem pendidikan
- IV Masalah alam sekitar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SULIT

SULIT

1249/1

- 32 MAGERAN diberi kuasa memerintah semasa darurat dari 16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971.

Apakah tanggungjawab majlis tersebut?


- A Menggubal Enakmen Jenayah
 - B Menguatkuasakan Akta Hasutan
 - C Menggantung perlembagaan negara
 - D Menyusun perkhidmatan kerajaan
- 33 Gambar berikut merujuk perkhidmatan Feri Malaysia yang diperkenalkan pada 31 Ogos 1986.



Mengapakah perkhidmatan tersebut diperkenalkan?

- A Menggunakan teknologi pintar
 - B Mengimbangi pembangunan negeri
 - C Merapatkan integrasi penduduk
 - D Menarik pelaburan luar
- 34 Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan pada 22 Jun 1956.
Bagaimanakah DBP berperanan dalam mengembangkan bahasa dan sastera Melayu?
- A Menganjurkan seminar
 - B Melahirkan penggiat budaya
 - C Menjadi pusat penyelidikan
 - D Menyeragamkan pendidikan

- 35 Maklumat berikut berkaitan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).




Apakah matlamat yang ingin dicapai melalui dasar tersebut?

- A Peningkatan pelaburan
 - B Perkembangan teknologi
 - C Pengagihan kekayaan
 - D Perpaduan kaum
- 36 Dasar Penswastaan dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia keempat pada bulan Mac 1983.

Apakah tujuan pengenalan dasar tersebut?

- A Meningkatkan kualiti perkhidmatan
 - B Memajukan pertanian komersial
 - C Membentuk masyarakat liberal
 - D Memperkasa subsidi bersasar
- 37 Maklumat berikut berkaitan dengan dasar luar Malaysia.



Mengapakah dasar tersebut berubah?

- A Kejatuhan komunis
- B Kehendak rakyat
- C Kepentingan nasional
- D Kemelesetan ekonomi

SULIT

1249/1

- 38 Sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia telah memberi sumbangan ke arah memelihara keamanan dunia.

Apakah sumbangan tersebut?

- I Menyertai misi pengaman
- II Menghantar pasukan pemerhati
- III Mengukuhkan hubungan ekonomi
- IV Membebaskan negara yang dijajah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 39 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berhasrat menjadikan dunia bebas fenomena Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) menjelang tahun 2030.

Bagaimanakah Malaysia menyokong hasrat tersebut?

- A Mengawal pintu sempadan
- B Pemeriksaan kesihatan berterusan
- C Menghadkan kadar kelahiran
- D Pemberian vaksin percuma

- 40 Mengapakah negara-negara anggota ASEAN menandatangani perjanjian berikut?

Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)

- A Membanteras jenayah rentas sempadan
- B Meningkatkan kerjasama ekonomi
- C Mengukuhkan sistem pertahanan
- D Menangani masalah kemiskinan

KERTAS SOALAN TAMAT